

Adat Perpatih

Lindungi Marita

OLEH

KAMISAH MUSTAFFA.

ADAT PERPATIH LINDUNGI WANITA

KEDUDUKAN ekonomi yang lemah adalah penyebab janda atau balu mengalami masalah meneruskan hidup. Lebih perit lagi sekiranya tidak bekerja.

Walaupun hukum Islam cukup lengkap melindungi dan memelihara wanita, pelaksanaannya yang masih menindas wanita menyebabkan wanita terus mengalami masalah.

Wanita Negeri Sembilan pengamal Adat Perpatih mungkin lebih bernasib baik kerana ada perlindungan kukuh berdasarkan keteguhan kelompok masyarakat mereka memegang adat itu. Secara tidak langsung mereka terhindar daripada penganiayaan suami atau masalah ekonomi apabila bercerai.

Mungkin sesetengah orang terutamanya di luar lingkungan adat ini, menganggap ia merendahkan maritabat lelaki dan mengangkat wanita kepada kedudukan tidak sepatutnya. Sesetengah lelaki termasuk dari Negeri Sembilan sendiri memilih mencari isteri dari negeri lain. Alasannya, jika berkahwin wanita Negeri Sembilan, apabila bercerai nanti "tinggal seluar dalam".

Dipandang dari sudut menjaga kepentingan wanita, amalan Adat Perpatih mungkin sesuai dijadikan contoh. Wanita-nya kurang dianiayai suami atau melalui penghidupan yang menjauhkan mereka dari perlu bergantung hidup kepada sesiapa selepas bercerai.

Secara kasar memang beberapa bahagian dan peraturan dalam adat ini boleh dianggap bertentangan hukum syarak tetapi ia menggambarkan betapa istimewanya wanita dalam masyarakat ini hingga mendapat hak sebegitu.

Beberapa kertas kerja menjelaskan adat ini dibentangkan dalam Seminar Pengalaman Pembelajaran Mengenai Adat Perpatih anjuran Wintrac (Women's World Banking/Malaysia) November lalu. Paling menarik ialah mengenai kedudukan wanita dalam adat itu oleh Timbalan Dekan Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Prof Madya Dr Azizah Kassim.

Menurut beliau, adat ini diamalkan di lima daerah di Negeri Sembilan (Kuala Pilah, Jelebu, Jempul, Tampin dan Rembau). Sekelompok kecil masyarakat di Selangor Darul Ehsan dan Melaka (yang masih dilingkungi pengaruh Negeri Sembilan) juga mengamalkannya. Dipercayai ia berasal dari Minangkabau, Sumatera, dibawa pedagang dan penghijrah ke Tanah Melayu.

Dalam Adat Perpatih, wanita pemegang dan pemelihara adat. Tanpa anak perempuan, kelompok persaudaraan dan keturunan akan pupus. Amat penting sesebuah keluarga mempunyai sekurang-kurang seorang anak perempuan. Ketiadaan anak perempuan dianggap kelemahan

dan masyarakat belas memandangkan wanita yang tiada anak perempuan.

Sesuai kedudukan penting ini tanah adat dan pusaka diwariskan kepada wanita. Lazimnya ia tanah pertanian atau tapak rumah pusaka. Di Negeri Sembilan kini, tanah adat dan pusaka adalah sawah, dusun, kolam ikan dan kebun getah. Jumlah keseluruhan tanah adat dan pusaka negeri itu tidak sampai satu peratus daripada keseluruhan tanah pertanian di sana.

Dipercayai jumlah keseluruhan tanah adat dan pusaka dalam Adat Perpatih berkekalan sejak didaftarkan kira-kira seabad lalu. Keluasannya mungkin semakin berkurangan sebelum merdeka kerana projek pembangunan kerajaan di luar bandar.

Tanah adat dan pusaka diwariskan kepada anak perempuan iaitu daripada ibunya. Setiap anak mendapat jumlah sama banyak. Sekiranya tiada anak perempuan, harta diwariskan kepada saudara perempuan terdekat; misalnya anak perempuan kakak atau adik (perempuan). Jika tiada anak saudara perempuan, harta jatuh ke tangan anak perempuan sepupu.

Walaupun anak lelaki tidak mewarisi harta pusaka ibunya, dia masih berhak ke atas harta-harta itu. Misalnya, dia boleh mendirikan rumah atau mengerjakan tanah. Bagaimanapun, dia

Dalam Adat Perpatih, wanita pemegang dan pemelihara adat. Tanpa anak perempuan, kelompok persaudaraan dan keturunan akan pupus. Amat penting sesebuah keluarga mempunyai sekurang-kurang seorang anak perempuan. Ketiadaan anak perempuan dianggap kelemahan

tidak berhak mewariskan harta itu kepada anaknya.

Secara leori, tanah adat dan pusaka diwarisi wanita untuk keseluruhan kerabatnya. Pemilikan tanah itu bukan mutlak — wanita tidak berhak menjual tanah itu kepada sesiapa disukainya. Sekiranya dia memerlukan wang, tanah itu hanya boleh dijual kepada waris (perempuan) terdekat.

Selain tanah, rumah pusaka juga diwarisi wanita. Jika seseorang keluarga mempunyai lebih seorang anak perempuan, rumah itu diwarisi sama ada anak perempuan sulung atau bongsu.

Hak mewarisi rumah pusaka dan penggunaan tanah adat diselenggarakan juga dengan kewajiban terhadap ahli keluarga dan keturunan. Dalam Adat Perpatih, wanita bertanggungjawab memelihara orang tua mereka. Lelaki tidak perlu berbuat demikian kerana mereka lazim meninggalkan rumah ibu bapa untuk tinggal di rumah isteri selepas sahaja berkahwin.

Wanita wajib menyediakan tempat tinggal dan bantuan kepada kaum kerabat terdekat ketika mereka kesusahan, terutama kepada adik-beradik lelaki dan bapa saudara (adik ibunya) yang dipanggil 'Buapak Kadim'. Lazim bantuan ini diperlukan ketika saudara lelaki itu bercerai atau kematian isteri. Disebabkan rumah adalah hak isteri, lelaki terpaksa pindah rumah dan tinggal bersama ibunya — atau adik-beradik perempuannya atau anak saudara perempuannya.

Dalam Adat Perpatih, ada perbezaan kegiatan ekonomi antara lelaki dan wanita. Walaupun suami isteri saling membantu jika ada kelapangan, menoreh getah dianggap tugas lelaki manakala menanam padi tugas wanita. Ini kerana wanita bertanggungjawab menyediakan nasi (makanan asas keluarga) manakala lelaki menyediakan wang untuk membeli keperluan lain keluarga. Ini menjadi lambang persamaan taraf lelaki dan wanita, digambarkan melalui panggilan 'kawan' kepada pasangan hidup.

Sepertika istimewa mengenai adat ini, kuasa dan hak wanita ke atas harta benda menyebabkan sukar lelaki hendak menguasai atau menindas isteri. Lelaki hanya 'menumpang' di rumah

isteri, dikelilingi sanak-saudara dan kaum kerabat isteri. Bentuk kehidupan ini menyebabkan sukar suami hendak menganiaya isteri. Jika berani berbuat demikian, dia sengaja mendedahkan diri kepada kemarahan kaum keluarga isteri.

Penceraihan merugikan lelaki kerana dia mungkin hilang segala pelaburan sama ada berbentuk ekonomi atau sosial yang dibuat di rumah isterinya. Dia juga mungkin mengalami masalah tempat tinggal, bergantung kepada sebaik mana hubungannya dengan keluarga sendiri selepas perkahwinannya. Sekiranya hubungan itu tidak baik, kemungkinan besar kaum keluarganya tidak mahu menerimanya tinggal di rumah mereka dan dia tiada pilihan selain tinggal di masjid atau surau. Kes begini bukan mustahil di beberapa kampung yang mengamalkan Adat Perpatih.

Kuasa dan kedudukan wanita juga semakin meningkat mengikut usia. Lebih lama usia perkahwinan, lebih kukuh kedudukan isteri kerana suaminya dianggap semakin jauh daripada keluarga sendiri.

Wanita Adat Perpatih juga menguasai hubungan dengan saudara mara lelaki. Hak mewarisi harta menyebabkan dia berkuasa menentukan siapa boleh atau tidak diterima tinggal di rumah pusaka, siapa boleh mengerjakan sawah dan siapa berhak menerima hasil tanah pusaka.

Bagaimanapun, tegas Dr Azizah, kedudukan berpengaruh wanita dalam adat ini tidaklah menonjol. Ini disebabkan hukum Islam melunturkan kuasa itu atau melindunginya daripada umum. Tetapi kuasa itu tetap boleh digunakan wanita ketika dirasakan perlu.

Kini amalan Adat Perpatih semakin berkurangan dalam sistem hidup kelompok masyarakatnya. Kesedaran mengenai beberapa peraturan dalam adat itu yang bertentangan hukum syariah menyebabkan ia tidak diamalkan sepenuhnya. Penghijrahan wanita ke bandar atau ke kampung lain menyebabkan sukar bagi mereka hendak melaksanakan tanggungjawab sebagai pewaris harta.

Pembangunan mengubah kedudukan ekonomi manusia juga antara faktor pemupusan amal-

an adat ini. Lelaki tidak lagi bergantung kepada harta isteri kerana bekerja makan gaji atau menjalankan usaha ekonomi mereka sendiri.

Keadaan kini terbalik. Jika pada awalnya wanita berkepentingan dalam ekonomi keluarga, perubahan masa, keadaan menyebabkan semakin ramai bergantung kepada suami semata-mata. Pendapatan biasanya daripada gaji atau pencen suami, membantu suami membuka kedai runcit, menoreh getah dan kerja-kerja kampung lain.

Walaupun wanita masih mewarisi tanah pusaka, tanah itu semakin kurang nilai ekonominya. Kebanyakan tanah pusaka terbiar tidak dikerjakan dan tinggal sebagai lambang adat. Pembahagian tanah turun-temurun menyebabkan sebidang tanah yang kecil mempunyai ramai pemilik. Kerana itu tanah berkenaan sukar dibangunkan.

Dapat dilihat bahawa ketika kedudukan ekonomi lelaki dalam Adat Perpatih semakin kukuh, kedudukan wanita kian merosot. Kemerosotan ini menyebabkan mudah suami menggunakan kuasa mutlak ke atas isterinya kerana tidak lagi wujud soal takut 'dihalau' dari rumah isteri. Apalagi kerana hubungan isteri dengan kaum kerabatnya semakin renggang disebabkan penghijrahan.

Wanita wajib menyediakan tempat tinggal dan bantuan kepada kaum kerabat terdekat ketika mereka kesusahan, terutama kepada adik-beradik lelaki dan bapa saudara (adik ibunya) yang dipanggil 'Buapak Kadim'. Lazim bantuan ini diperlukan ketika saudara lelaki itu bercerai atau...

Kini, tidak ramai dapat membela isteri sekiranya berkelahi dengan suami. Apabila bercerai, isteri yang selama ini bergantung hidup sepenuhnya kepada suami mengalami kesempitan hidup.

Kerana itu, Dr Azizah berpendapat, ada perubahan dalam hubungan suami isteri kelompok pengamal Adat Perpatih kini ia lebih memihak kepada suami. Bolehlah dirumuskan bahawa walaupun wanita masih mewarisi harta pusaka, kedudukan istimewa mereka dalam Adat Perpatih kini tiada erti lagi.

Amat malang kerana adat tunggal membela wanita yang terpelihara sejak lama kini semakin pupus. Walaupun mungkin di satu segi ia bertentangan hukum syarak, di segi lain ia penyelamat nasib wanita.

Manusia lazim tidak patuh undang-undang Allah dan lebih teguh memegang adat. Maka itu tercipta pepatah: biar mati anak, jangan mati adat. Antara sebab berlaku demikian ialah manusia memilih melaksanakan undang-undang yang dirasakan membawa kepentingan peribadi, sikap menindas wanita, memertingkatkan ego dan kurang pengetahuan.

Disebabkan ini suatu peraturan membela wanita seperti Adat Perpatih yang sudah berlaku dalam masyarakatnya, dirasakan amat perlu dipelihara. ♦